

# DBKL keluarkan 35 kompaun terhadap peniaga degil

**KUALA LUMPUR** - Sebanyak 35 kompaun dikeluarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi Operasi Penguatkuasaan Anti-Litter dijalankan di sekitar Lorong Haji Taib dan Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini.

Operasi ini dijalankan bagi mendidik serta memperkukuh kesedaran dalam kalangan peniaga tentang pentingnya menjaga kebersihan di kawasan perniagaan mereka, di samping memastikan penguatkuasaan dilakukan secara berkala di ibu kota.

Menurut DBKL, antara kesalahan dikesan termasuk meletakkan barang perniagaan di tempat awam tanpa kebenaran, membuang sampah ke dalam longkang serta menghalang aliran air

dengan sisa dan barangan ditinggalkan.

“Daripada jumlah keseluruhan kompaun, sebanyak 16 dikeluarkan di bawah Seksyen 46(1)(d), 12 kompaun di bawah Seksyen 47(1)(d) dan tujuh kompaun di bawah Seksyen 47(1)(a) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974,” menurut kenyataan DBKL dalam Facebooknya.

DBKL turut memaklumkan, tindakan turut diambil terhadap peniaga yang berdegil meletakkan halangan di laluan pejalan kaki premis, yang menyukarkan pergerakan orang awam.

“Melalui operasi ini, kita bukan sahaja mengambil tindakan, malah berusaha membudayakan tanggungjawab bersama dalam memelihara kebersihan bandar,” kata kenyataan itu lagi.

Tindakan turut diambil terhadap peniaga yang berdegil meletakkan halangan di laluan pejalan kaki premis.

